



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MEMULAKAN SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2022 DENGAN MAJLIS BACAAN YASSIN, SOLAT HAJAT DAN DOA SELAMAT DI WP KUALA LUMPUR**

**KUALA LUMPUR, 1 FEBRUARI 2022** – Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ke-18 pada tahun ini dimulakan dengan semangat kebersamaan dan berganding bahu. Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim pada hari ini menyantuni Asnaf di Kampong Bharu dan seterusnya menyertai para jemaah menunaikan solat hajat, bacaan Yasin dan doa selamat di Masjid Jamek Kampong Bharu, WP Kuala Lumpur.

Selari dengan tema Hari Wilayah Persekutuan 2022 iaitu Keluarga Malaysia, dengan pelbagai pihak di Wilayah Persekutuan. Inisiatif seumpama ini dijadikan sebagai platform bagi mewujudkan masyarakat yang mempunyai budaya kehidupan yang sentiasa bersyukur atas nikmat yang dikurniakan meskipun negara dilanda pelbagai ujian dan tragedi, namun Keluarga Malaysia masih dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni.

Majlis Bacaan Yassin, Solat Hajat dan Doa Selamat SHWP 2022 ini adalah sebahagian daripada acara tahunan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi mendoakan kesejahteraan dan kemakmuran Wilayah Persekutuan serta salah satu inisiatif Kementerian bagi memohon perlindungan dari pandemik COVID-19 di negara ini.

Dalam majlis yang sama, Kementerian dan JAWI juga menyampaikan sumbangan bantuan wang tunai serta barang keperluan kepada 100 orang asnaf di Kampong Bahru bagi membantu meringankan beban pasca COVID-19 disamping menerapkan nilai rasa kasih sayang dan prihatin khususnya kepada golongan susah serta mereka yang kurang berkemampuan.

Diharapkan majlis ini dapat mengeratkan ukhuwah, perasaan kasih sayang dan persaudaraan yang teguh dalam diri setiap individu di Wilayah Persekutuan kerana Agama Islam mengajak manusia supaya bersatupadu, berkeluarga dan mengukuhkan hubungan silaturrahim agar Wilayah Persekutuan terus maju dan sejahtera dalam keadaan yang aman dan damai.

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**1 Februari 2022**